

**TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA, ANGKASAPURI
SEMPENA PELANCARAN KUTIPAN DERMA RAYUAN HARI PAHLAWAN
TAHUN 1991
31 JULAI 1991**

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Juga saya ingin mengucapkan salam bahagia dan selamat sejahtera kepada segenap lapisan masyarakat yang cintakan keamanan dan kedamaian di seluruh negara.

2. Saya merasa amat bertuah dan bersyukur kehadiran Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana sekali lagi diberi peluang bersejarah ini di dalam suasana yang aman lagi tenteram. Oleh hal yang demikian adalah wajar bagi kita semua menghayati dan memperingati Hari Pahlawan yang tarikhnya pada 31hb. Julai setiap tahun dengan segala keinsafan dan keluhuran. Wadah perjuangan angkatan tentera kita di dalam menebus kembali maruah bangsa, agama dan negara serta menegakkan kembali kedaulatan kita bersama baik di dalam sebarang aspek sekalipun mestilah disanjung tinggi dan dikenang sebagai suatu warisan dan tunggak pengorbanan yang tiada tolok bandingnya. Keunggulan mereka berjuang tanpa mengenal batas baik di mana sahaja mereka berada adalah menjadi suatu kebanggaan kita bersama dan sewajarnya dicontohi.

3. Sebagai ganjaran kepada perjuangan tabah yang dipelopori oleh angkatan tentera kita dan berkat sokongan yang padu daripada anda semua, maka negara kita sekarang ini sudahpun bebas daripada sebarang belenggu ataupun rupa bentuk ancaman, baik daripada dalam mahupun luar negeri yang telah cuba menggugat kedaulatan kita sebagai satu bangsa yang demokratik lagi bermaruah. Perspektif ini hendaklah dikekalkan oleh setiap generasi bagi menjamin kesinambungan wadah perjuangan. Aspek ini perlu bagi memastikan kestabilan, kemakmuran serta kemajuan dan kesejahteraan negara ini sentiasa terpelihara.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

4. Negara sedang melangkah ke alam era baru dengan pengumuman yang dibuat oleh Y.A.B. Perdana Menteri mengenai pelancaran Rancangan Malaysia Ke-6. Rancangan teratur serta program-program yang teliti telah disusun rapi oleh Kerajaan untuk memimpin sekalian rakyat memasuki ke arah kehidupan yang lebih sempurna, selesa lagi terjamin. Usaha-usaha untuk membasmi kemiskinan adalah merupakan salah satu cirri utama dasar Kerajaan di samping memberi penumpuan serta pendekatan terhadap pembangunan bidang industri moden. Ciri-ciri ini membuktikan bahawa Kerajaan sentiasa memandang berat serta prihatin terhadap pembangunan sosio-ekonomi rakyat serta negara, apatah lagi di dalam memenuhi citarasa serta pencapaian matlamat yang optimum terhadap wawasan 2020.

5. Justeru itu setiap golongan dan lapisan rakyat di negara ini tanpa mengira kaum dan agama hendaklah sama-sama bersedia untuk berusaha dengan bersungguh-sungguh bagi menjayakan sepenuhnya rancangan serta wawasan sebagaimana yang telah ditetapkan. Sifat positif, amanah, ketabahan mental dan fizikal serta berani berkorban untuk menjayakan diri adalah merupakan sifat-sifat terpenting bagi menjamin kejayaan polisi Kerajaan yang sedia teratur. Di samping itu kita juga hendaklah mengikiskan samasekali sifat-sifat negatif terutamanya sifat kedaerahan yang tebal di dalam memimpin dan membawa pembangunan kepada negara dan rakyat.

6. Kita harus akur dan menerima hakikat bahawa negara ini adalah milik rakyat Malaysia seluruhnya dan bukannya milik sesuatu suku kaum sahaja. Perseimbangan di dalam pembangunan dan pengagihan kekayaan yang samarata dan menyeluruh di semua negeri adalah merupakan suatu keperluan bagi memantapkan konsep integrasi nasional yang tulen di dalam sebuah negara majmuk ini. Tanpa toleransi dan pengorbanan daripada semua pihak, saya merasa bimbang segala kemakmuran, kesentosaan dan kedamaian yang telah sekian lama dibina dengan keringat dan darah oleh anak-anak watan kita sendiri akan hancur berderai di pertengahan jalan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

7. Di samping kita berlumba-lumba di dalam membangunkan negara dan jayadiri, seboleh-bolehnya janganlah kita melupakan golongan yang pada suatu ketika dahulu telah mencurahkan segala tenaga bakti dan pengorbanan mereka terhadap negara ini. Meraka yang saya maksudkan itu ialah bekas-bekas perajurit di tanahair ataupun tanggungan mereka yang kurang bernasib baik. Sungguhpun mereka mempunyai persatuan sendiri, tetapi persatuan tersebut tidak mungkin dapat memperluaskan aktiviti kebajikannya dengan lebih berkesan tanpa bantuan yang munasabah daripada Kerajaan dan orang ramai.

8. Saya difahamkan bahawa pada masa ini, persatuan bekas perajurit Malaysia mempunyai ahli seramai 85,000 orang. Adalah dijangka di antara 3,000 hingga 5,000 orang perajurit akan menamatkan perkhidmatan mereka pada setiap tahun. Oleh hal yang demikian, tidak syak lagi keahlian persatuan tersebut akan meningkat dengan pesatnya dalam jangkamasa yang pendek di masa hadapan. Sementara itu sumber pendapatan mereka yang utama bagi menampung pelbagai aktiviti kebajikan yang dianjurkan oleh mereka ialah melalui kutipan derma rayuan Hari Pahlawan.

9. Saya merasa amat bersyukur kerana seruan saya pada tahun lalu telah mendapat perhatian yang baik daripada para dermawan sehingga membolehkan persatuan ini memungut sebanyak \$1,013,219 ringgit di seluruh negara. Sementara itu saya juga berbangga kerana persatuan yang sama telah membelanjakan sebanyak \$1,179,621 ringgit terhadap pelbagai skim bantuan kebajikan anjuran mereka. Usaha-usaha yang murni ini perlulah diteruskan dan diperbaiki dari masa ke semasa.

10. Sempena dengan hari yang berbahagia ini juga, saya ingin menyarankan supaya

usaha-usaha yang bersepadu haruslah dititiberatkan oleh Kerajaan untuk membantu serta membimbing bekas-bekas perajurit supaya dapat menempuh kehidupan yang lebih selesa dan produktif apabila memasuki alam yang baharu sebagai orang awam. Di antaranya termasuklah mengadakan kursus-kursus untuk membimbing bekas-bekas perajurit, terutamanya menyentuh aspek sosio-ekonomi mereka dan membuka ruang yang lebih luas kepada bekas-bekas perajurit yang terlatih dan berpengalaman untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong di dalam bidang kepakaran mereka.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

11. Sebagai suatu bangsa yang mengamalkan sifat orang berbudi kita berbahasa, adalah menjadi budaya kita untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik. Pada hari yang berbahagia ini dan sempena dengan pelancaran kutipan derma rayuan Hari Pahlawan bagi tahun ini, sekali lagi saya menggunakan kesempatan dan menyeru segenap lapisan masyarakat di negara ini terutamanya para dermawan serta gedung-gedung perniagaan supaya memainkan peranan masing-masing bagi menjayakan kutipan derma tersebut bagi tahun ini.

12. Marilah sama-sama kita berbakti kepada mereka yang telah berjasa.

13. Dengan kalimat Bismillahirrahmanirrahim saya melancarkan kutipan derma rayuan Hari Pahlawan bagi tahun 1991 dengan rasminya.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.